



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)  
[www.ijmo.com](http://www.ijmo.com)



**IMPAK MAHASISWA UNIVERSITI AL-AZHAR DALAM  
PEMBANGUNAN INTELEKTUAL DI MALAYSIA: SATU  
SOROTAN SEJARAH**

*IMPACT OF AL-AZHAR UNIVERSITY STUDENTS ON INTELLECTUAL  
DEVELOPMENT IN MALAYSIA: A HISTORICAL OVERVIEW*

Muhd Imran Abd Razak<sup>1\*</sup>, Rahimin Affandi Abdul Rahim<sup>2</sup>, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin<sup>3</sup>

- <sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia.  
Email: imranrazak@uitm.edu.my
- <sup>2</sup> Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.  
Email: faqir\_ila\_rabbih@um.edu.my
- <sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia.  
Email: mohdz560@uitm.edu.my
- \* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 20.11.2023  
Revised date: 06.12.2023  
Accepted date: 02.01.2024  
Published date: 05.03.2024

**To cite this document:**

Abd Razak, M. I., Abdul Rahim, R. A., & Zainal Abidin, M. Z. H. (2024). Impak Mahasiswa Universiti Al-Azhar dalam Pembangunan Intelektual di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah. *International Journal of Modern Education*, 6 (20), 30-43.

DOI: 10.35631/IJMOE.620003

**Abstrak:**

Naratif barat sejak dahulu sering didapati merendahkan sumbangan tokoh-tokoh serta institusi-institusi penting umat Islam terhadap pembangunan negara. Termasuk pada era kini, lulusan Universiti al-Azhar juga diberikan gambaran yang negatif dengan mengaitkan mereka dengan kelemahan penguasaan akademik, kurang kemahiran insaniah, pengaruh kejumudan politik dan lain-lain unsur negatif. Justeru, artikel ini meneroka sumbangan mahasiswa Universiti al-Azhar dan kesannya terhadap pembangunan intelektual di Malaysia. Pengkaji menggunakan pendekatan kajian Kualitatif sepenuhnya dengan gabungan metode kepustakaan dan temubual serta melakukan analisis persejarahan. Hasil kajian mendapati bahawa sumbangan positif Universiti al-Azhar terhadap perkembangan Islam di Malaysia telah diabaikan secara tidak adil oleh pihak tertentu, mengikut pendekatan skeptik dan negatif yang diambil oleh kuasa kolonial Barat. Universiti yang terkenal dengan ethos idealistik Islam telah terbukti melahirkan alumni yang telah memainkan peranan proaktif dan berkesan sebagai pemimpin intelektual umat sejak sebelum merdeka hingga kini. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk meningkatkan pencapaian akademik dan kemahiran peribadi lulusan mahasiswa Malaysia di al-Azhar bagi menghadapi cabaran global dan dunia moden yang lebih mencabar.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Kata Kunci:**

Impak, Mahasiswa, Universiti Al-Azhar, Intelektual, Malaysia.

**Abstract:**

The Western narrative has long been found to disparage the contributions of Islamic figures and important institutions to the development of nations. This includes the present era, where graduates of Al-Azhar University are also portrayed negatively by associating them with academic shortcomings, insufficient human skills, the influence of political conservatism, and other negative elements. Therefore, this article explores the contributions of Al-Azhar University students and their impact on intellectual development in Malaysia. The researcher adopts a fully qualitative research approach, combining literature review and interviews and conducting a historical analysis. The study findings reveal that the positive contributions of Al-Azhar University to the development of Islam in Malaysia have been unfairly overlooked by certain parties, following the skeptical and negative approach taken by Western colonial powers. The university, renowned for its idealistic Islamic ethos, has proven to produce alumni who have played proactive and effective roles as intellectual leaders of the community since before independence until now. However, there is still room for improvement in the academic achievements and personal skills of Malaysian graduates from Al-Azhar to face the challenges of a more demanding global and modern world.

**Keywords:**

Impact, Students, Al-Azhar University, Intellectual, Malaysia.

**Pengenalan**

Muhamed Redzuan Othman (2001) menegaskan bahawa sejarah intelektual Alam Melayu mencatatkan bahawa sumbangan IPT Islam Haramain dan Mesir amat besar dalam menimbulkan dan menyemarakkan pemikiran intelektualisme Islam. Dalam sejarah Alam Melayu, mubaligh awal telah menerapkan budaya ilmu kepada masyarakat Melayu melalui institusi pendidikan Islam. Sesuai dengan sifat masyarakat yang masih baru menerima Islam, mubaligh awal ini telah mengasaskan sistem pengajian ilmu-ilmu agama di dalam serangkaian institusi yang cukup berkesan seperti pengajian di istana, masjid, surau dan pondok (Che Omar Awang, 1996). Pengajian ini bersifat terbuka kepada semua lapisan masyarakat dan bukan terhad kepada golongan atasan semata-mata. Pendek kata apa yang dikenali pada masa dahulu dengan pendemokrasian pendidikan telah pun diamalkan pada masa ini (Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, 2019).

Namun begitu, sarjana kolonial dan pengikut mereka selalu menenggelamkan sumbangan Islam untuk sejarah awal ini. Contohnya sarjana kolonial cuba menonjolkan sifat negatif yang dimiliki oleh kerajaan Islam Aceh. Pemerintah Aceh dalam paparan sarjana barat digambarkan sebagai kerajaan yang ganas dan suka menumpahkan darah orang barat yang berbeza agama. Sejarahwan Portugis juga mencatatkan pemerintah Aceh enggan berhubung dengan baik apabila berhadapan dengan rombongan pedagang Portugis. Catatan sejarah Portugis menerangkan bahawa pihak Portugis beberapa kali cuba untuk mengelakkan

peperangan secara baik, kerana matlamat mereka adalah untuk menjalankan perdagangan dengan kerajaan lain di Alam Melayu.

Mereka juga menggambarkan secara berlebihan berkenaan kehebatan tentera Portugis berbanding dengan tentera Aceh. Kerajaan Aceh dikatakan berusaha memonopoli sumber rempah di Alam Melayu dengan menyerang dan memusnahkan ladang lada hitam di kawasan lain. Aceh juga dikatakan suka menyerang kawasan lain untuk memperluaskan kuasa dan diikuti dengan dasar membawa balik tawanan perang ke Aceh untuk dijadikan hamba dan gundik (William Gervase Clarence Smith, 2007). Hamba-hamba ini dikatakan dizalimi oleh masyarakat Aceh. Masyarakat Aceh dikatakan mempunyai ramai hamba dan gundik untuk kepentingan pembesar Aceh. Sarjana barat juga melalui catatan pengembara asing telah menggambarkan Aceh mengamalkan sistem undang-undang hudud yang sangat zalim dan tidak berperikemanusiaan (Ingrid Saroda Mitrasing , 2011).

### **Paparan Negatif Tentang Sumbangan Universiti Al-Azhar**

Tradisi memburukkan lulusan pengajian Islam tetap diteruskan sehingga pada zaman global ini. Mengikut Rahimin Affandi Abdul Rahim (2005), selepas peristiwa 11 September 2001 dan beberapa siri keganasan, media barat telah mengaitkan gerakan ekstremisme ini dengan pelajar dan lulusan agama, termasuklah lulusan Universiti al-Azhar sendiri.

Selain itu, terdapat beberapa perkara negatif lain yang dinisbahkan kepada pelajar Universiti al-Azhar, iaitu:

- i. Universiti al-Azhar adalah pilihan terakhir bagi pelajar Malaysia, kerana syarat kemasukannya yang rendah. Golongan yang lemah pencapaian akademik yang gagal menyambung pengajian di IPTA biasa akan memilih untuk menyambung pengajian di sana.
- ii. Sistem pengajian Universiti al-Azhar dikatakan tidak teratur iaitu kehadiran kelas tidak diwajibkan. Dari segi pedagogi pengajian pula, pelajar hanya menghafal nota kuliah pensyarah secara membuta tuli untuk lulus. Akibatnya, sistem pengajian dalam bentuk ini telah melahirkan pelajar yang lemah daya intelektual dan analisis kritikal serta lebih terdedah kepada fenomena kejumudan dan ketaksuban melampau.
- iii. Taraf ilmu, daya komunikasi dan kemampuan bahasa Arab pelajar Universiti al-Azhar yang sangat rendah. Mutu lulusan Universiti al-Azhar di era tahun 1980-an hingga sekarang adalah lemah dan menurun, yang dirujuk kepada mutu pencapaian akademik, penguasaan bahasa Arab dan penampilan diri (Mona Abaza, 1994).
- iv. Arus perkembangan pembaharuan pendidikan Malaysia semasa telah menyisihkan lulusan Universiti al-Azhar di dalam arus perdana di Malaysia. Dalam sektor kerjaya, lulusan al-Azhar terpaksa bersaing dengan lulusan universiti tempatan yang juga menawarkan kursus pengajian Islam yang lebih bersifat moden dan memenuhi kehendak pasaran semasa (Sharifah Zaleha Syed Hassan, 1993).
- v. Lulusan Universiti al-Azhar tidak dianggap sebagai aset negara yang cukup bernilai hasil daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) oleh pihak kerajaan. Graduan Universiti al-Azhar sering didakwa bakal menggagalkan proses pemodenan yang begitu pesat berkembang di Malaysia.
- vi. Untuk menutup kelemahan pelajar Universiti Azhar, mereka lebih suka menceburi bidang politik kepartian yang sempit, kebanyakannya menyokong parti pembangkang.

### **Jawapan Terhadap Paparan Negatif Alumni Universiti Al-Azhar**

Provokasi negatif ini adalah tidak adil dan terbukti salah berdasarkan kepada beberapa fakta iaitu:

#### ***Nisbah Kelemahan Mahasiswa Melayu Di IPTA/IPTS***

Mutu pencapaian akademik pelajar bumiputera di beberapa IPTA/IPTS di Malaysia amat lemah dan ternyata mereka telah dilanda sindrom malas (Nordin Kardi, 2002). Sebagai menyokong kajian ini, terdapat kajian lain yang mendapati kegagalan dan kelemahan mutu pencapaian akademik ini timbul akibat daripada wujudnya budaya malas dalam kalangan pelajar yang boleh diklasifikasikan kepada empat jenis yang utama, iaitu (Abdul Latif Samian, 2003):

- i. Pelajar yang aktif dalam kegiatan ko-kurikulum dan aktiviti kebudayaan sehingga melupakan kepentingan untuk membahagikan masa yang sesuai untuk sesuatu program pengajian.
- ii. Pelajar yang terpengaruh dengan budaya santai dan lepak dan mengabaikan tugas sebagai pelajar.
- iii. Pelajar miskin yang terpaksa berkerja secara sambilan sehingga menyebabkan mereka gagal menumpukan perhatian kepada pembelajaran.
- iv. Pelajar daripada keluarga yang kaya yang menghidap penyakit mewah dan malas yang merasakan diri mereka selamat (sense of security) disebabkan oleh status bumiputera yang kononnya pasti akan diutamakan oleh pihak kerajaan berbanding dengan golongan bukan bumiputera.

Justeru, tindakan mengaitkan alumni Universiti al-Azhar secara eksklusif dengan sindrom malas dan tidak berdisiplin adalah tidak berasas sama sekali kerana ianya terjadi kepada semua pelajar sama ada di dalam ataupun di luar negeri.

#### ***Keterbukaan dan Reformasi Pengajian di Universiti Al-Azhar***

Pada tahun 2005, seorang tokoh akademia Malaysia, iaitu Profesor Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid telah melakukan kajian lapangan di Universiti al-Azhar. Selain bergantung kepada data-data Jabatan Penuntut Malaysia di Mesir, kajian tersebut telah mengaplikasikan pendekatan fenomenologi (menyelami pemikiran informan kajian) menggunakan pendekatan temubual terhadap mahasiswa di 10 cawangan Universiti al-Azhar. Ia mendapat kerjasama daripada Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir (PMRAM). Dalam kajian tersebut, mahasiwa dikumpulkan dalam dua sesi utama iaitu:

- i. Sesi pembentangan penyelidikan yang mendedahkan keburukan pelajar Universiti al-Azhar iaitu merujuk kepada kelemahan disiplin, pedagogi pengajian dan mutu pencapaian akademik.
- ii. Sesi dialog antara penyelidik dengan pelajar dengan menggunakan pendekatan triangulasi. Pelajar dibenarkan untuk menjawab kesemua tuduhan negatif yang dikemukakan dalam sesi pertama. Ia merujuk sepenuhnya terhadap jawapan pelajar sendiri tanpa bergantung secara mutlak kepada maklumat yang diberikan oleh pihak Jabatan Penuntut Malaysia. Hasilnya, sesi ini berjaya menyelami masalah sebenar yang dihadapi oleh mahasiswa Universiti al-Azhar. Pelajar-pelajar ini secara terbuka mendedahkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh mereka. Rumusnya, sebahagian besar tuduhan yang dinisbahkan kepada pelajar di universiti ini adalah tidak benar.

Kajian ini juga mendapati pelajar Universiti al-Azhar turut didedahkan dengan program reformasi untuk tujuan pemeraksanaan pelajar bagi menghadapi realiti kehidupan zaman moden. Antara mekanisme yang dimaksudkan ialah:

### ***Wujudnya Persatuan Mahasiswa Yang Berdaya Maju***

Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir (PMRAM) adalah persatuan yang terlibat secara aktif menganjurkan kegiatan ko-kurikulum kepada pelajar Malaysia. Ia adalah persatuan yang mewakili semua pelajar Malaysia di Mesir yang amat disanjung oleh pihak kerajaan Mesir, kerana pernah terlibat di dalam Perang Suez di tahun 1945. PMRAM juga begitu aktif menyedarkan anggotanya agar prihatin dengan perkembangan yang berlaku di Malaysia. Bukti yang jelas untuk menyokong kenyataan ini boleh dilihat daripada kesungguhan pelajar Universiti al-Azhar dari pelbagai cawangan mengikuti kursus Pengajian Malaysia yang dianjurkan oleh Department of Malaysian Studies di Universiti Kaherah.

Aktiviti PMRAM terbukti amat berpengaruh dalam kalangan pelajar Malaysia. PMRAM mempunyai keahlian yang besar di kesemua 10 cawangan Universiti al-Azhar di Mesir. PMRAM telah dianggap sebagai badan induk yang menaungi 12 Badan Kebajikan Anak Negeri seluruh Malaysia. Merujuk kepada senarai aktiviti ko-kurikulum yang dianjurkan oleh PMRAM, kesemuanya adalah agak seimbang di antara aktiviti kesenian, akademik, sukan, intelektual dan sosial (Al-Kasyaf, 2003). Hasil daripada pertemuan tertutup dengan barisan exco tertinggi PMRAM, penyelidik mendapati kesemua barisan exco PMRAM sememangnya mempunyai keterampilan diri yang cukup tinggi, keterbukaan pemikiran dan amat prihatin dengan semua isu-isu semasa yang timbul dalam konteks Malaysia semasa.

### ***Keterlibatan Pelajar Universiti al-Azhar dengan Program Hard and Soft Skill Yang Dianjurkan oleh Department of Malaysian Studies, University of Cairo***

Kandungan utama program ini adalah para pelajar dapat menguasai semua ilmu dan kemahiran yang amat diperlukan seperti kemahiran ICT, realiti sejarah dan masyarakat Malaysia, metode pengurusan moden, keusahawaan, metodologi penyelidikan secara kualitatif dan kuantitatif serta lain-lain. Program ini telah mendapat sambutan hangat daripada pelajar Universiti al-Azhar di semua cawangan.

### **Fakta Sejarah Kelebihan Sistem Etos Pendidikan Islam Universiti Al-Azhar**

Proses pembentukan pelajar Islam berteraskan sistem etos Islam yang diamalkan oleh Universiti al-Azhar berjalan secara alami bersesuaian dengan realiti Mesir itu sendiri. Ia merujuk kepada beberapa perkara, iaitu :

- i. Situasi Mesir sebagai pusat perkembangan intelektualisme Islam moden telah menyebabkan pelajar terdedah dengan pelbagai idea-idea baru yang agak segar berbanding dengan kawasan Timur Tengah yang lain. Hal ini boleh dirujuk dengan pengaruh pelbagai gerakan Islam seperti Pan-Islamism, Ikhwan Muslimin dan Hasan Hanafi terhadap pelajar daripada rantau Asia Tenggara, seperti pelajar dari Malaysia dan Indonesia (Mona Abaza, 1994).
- ii. Sistem pengajian yang bersifat terbuka bersesuaian dengan pendekatan demokrasi pendidikan yang memberi peluang kepada semua golongan untuk menuntut dan mendalami ilmu Islam (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1997). Melalui sistem ini, pelajar secara langsung digalakkan dan dilatih untuk menggunakan pendekatan PBL (Problem Based Learning), iaitu mendalami sesuatu disiplin ilmu Islam melalui pembacaan dan



kajian luar serta tidak terlalu bergantung 100% kepada nota kuliah semata-mata (Mohamad Mohsin Mohamad, 2000).

- iii. Sistem pengajian yang menekankan kebolehan pelajar memahami pelbagai kitab dan manuskrip Islam klasik yang biasanya amat diperlukan untuk mendalami ajaran Islam yang baku. Sistem pengajian berasaskan talaqqi juga masih dijalankan secara meluas. Tidak hairanlah seandainya pandangan beberapa orang sarjana Universiti al-Azhar seperti Muhammad Abduh, Mahmud Shaltut, Halim Mahmood, Yusuf al-Qaradawi, Tantowi dan sebagainya yang memiliki kemahiran memahami kitab Islam klasik ditambah dengan keilmuan moden sering dijadikan rujukan utama oleh umat Islam di seluruh dunia.
- iv. Sistem pengajian yang menekankan pendekatan perbandingan mazhab terbesar di dalam Islam. Sistem ini secara langsung mengajar suatu bentuk metodologi pemikiran yang terbuka dan tidak fanatik dengan pandangan orang lain. Ianya mengalakkan pelajar terlibat di dalam pelbagai majlis ilmu tambahan dalam bentuk halaqah dan talaqqi yang wujud di pelbagai tempat di Mesir. Lebih tepat lagi, Islam dapat difahami secara kontekstual mengikut pemahaman budaya masyarakat Arab, masyarakat di mana Rasulullah SAW dan ajaran Islam diutuskan oleh Allah SWT.
- v. Sistem pengajian yang menekankan etos utama bagi melahirkan sarjana Islam yang berdaya maju dan mempunyai keterampilan yang seimbang di antara akhlak yang mulia dan keilmuan yang tinggi.
- vi. Wujudnya pelbagai bahan penerbitan seperti buku, akhbar dan majalah sama ada dalam bidang pengajian Islam ataupun bidang yang lebih luas yang boleh menjana perkembangan intelektualisme yang bermutu tinggi.
- vii. Suasana hidup di Mesir yang agak sulit telah menyumbang kepada kelahiran pelajar yang mempunyai perwatakan yang kuat dan tahan uji. Hal ini bersesuaian dengan teori yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun, bagaimana suasana iklim dan kehidupan yang ekstrim akan melahirkan individu yang kuat semangat, tahan uji dan tinggi semangat kesetiakawan (Saleh Faghizadeh, 2004).

## **Sumbangan Graduan Universiti Al-Azhar dalam Pembangunan Intekeltual di Malaysia**

### ***Universiti Timur Tengah dan Tradisi Rehlah Ilmiah di Tanah Melayu***

Universiti Timur Tengah telah menjadi tempat untuk aktiviti pencarian dan pengembangan ilmu Islam (Rehlah ilmiyyah) oleh masyarakat Islam di Alam Melayu yang dijalankan oleh pusat pengajian Islam di kota Mekah. Hal ini kemudiannya telah bertambah kepada Universiti al-Azhar. Ini bukanlah bermakna kota Mekah telah kehilangan autoritinya sebagai pusat pembelajaran ilmu-ilmu Islam bagi penganut Islam di Tanah Melayu, tetapi dimensinya sahaja yang telah mula berubah. Ramai kalangan sarjana Islam menegaskan bahawa kaedah dan bentuk sistem pengajian ilmu-ilmu Islam yang dijalankan di Universiti al-Azhar adalah lebih baik dan bersesuaian dengan pendekatan moden berbanding dengan apa yang diajar di institusi pendidikan tinggi Islam di kota Mekah ( A.S. Lutfi, 1968).

Teori ini seterusnya mengaitkan bahawa sifat Islam ala moden yang ditonjolkan oleh Universiti al-Azhar telah menarik minat sebahagian besar pelajar Islam dari seluruh dunia amnya dan Tanah Melayu khususnya untuk melanjutkan pelajaran mereka ke sana. Populariti Universiti al-Azhar juga dikaitkan dengan adanya beberapa orang tokoh reformis moden seperti Sheikh Muhammad Zain al-Pattani, Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh, Muhammad Rashid Rida dan sebagainya (Mohammad Aboul Khir Zaki, 1965).

### ***Graduan Universiti al-Azhar dan Pencetus Nasionalisme di Tanah Melayu***

Graduan Universiti al-Azhar juga menjadi pencetus awal yang melahirkan semangat nasionalisme ala Islam di Tanah Melayu. Lulusan Universiti al-Azhar telah memainkan peranan yang paling awal ke arah mewujudkan semangat pemodenan ala Islam dan mencetuskan bibit-bibit nasionalisme menentang kuasa penjajahan British di Tanah Melayu (Mohammad Redzuan Othman, 1998).

Lulusan Universiti al-Azhar dilihat telah bertanggungjawab menerapkan proses Islah dalam bidang pendidikan dan politik Melayu-Islam yang kemudiannya untuk jangka masa panjang telah berjaya menghakis dominasi kuasa yang dipegang oleh ulama Melayu tradisional. Teori ini kemudiannya menegaskan pada penghujung tahun 1930-an, gerakan lulusan Universiti al-Azhar telah mula beransur hilang disebabkan oleh beberapa faktor semasa yang timbul dalam kalangan masyarakat Melayu seperti dominasi golongan nasionalis Melayu memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Keadaan ini telah mendorong sesetengah sarjana mengatakan bahawa lulusan Universiti al-Azhar telah gagal dalam usaha mereka menjalankan usaha tajdid di Tanah Melayu. Kenyataan ini sebenarnya tidak berasas kerana usaha tajdid Kaum Muda dalam konteks sejarah Malaysia telah meninggalkan banyak kesan jangka panjang dan juga kesan jangka pendek.

Dilihat dari kesan jangka pendek, Kaum Muda telah melahirkan golongan intelektual Melayu yang dapat menganalisis perkembangan baru yang timbul di dalam masyarakat Melayu akibat dari dasar pemodenan kuasa British. Kesedaran ini kemudiannya telah mencetuskan kesedaran politik (nasionalisme) orang Melayu yang melahirkan beberapa pertubuhan politik berteraskan Islam dan Melayu seperti HAMIM, PAS dan KMM. Pertubuhan-pertubuhan ini kemudiannya menyebarkan beberapa intipati utama gerakan tajdid Kaum Muda seperti penekanan kepada kepentingan akal dan logik, tauhid, kepentingan pendidikan moden, pembangunan ekonomi bangsa Melayu, demokrasi dan perpaduan umat Islam sejagat (Mohd. Sarim Mustajab, 1982).

Sebelum kedatangan kuasa penjajah British, masyarakat Islam Alam Melayu memang boleh dikategorikan sebagai golongan intelektual yang lahir kesan daripada sistem pendidikan Islam. Contoh yang paling jelas ialah peranan yang dimainkan oleh Kaum Muda berbanding dengan tokoh-tokoh nasionalis feodal Melayu di Tanah Melayu (Shaharuddin Maaruf, 1993). Tokoh-tokoh nasionalis ini lahir dari sistem pendidikan penjajah yang kebanyakannya menjadikan seseorang pelajar itu berjiwa British dan pro-British (Khasnor Johan, 1982). Nasionalis dan reformis Melayu yang awal ini lebih menjiwai kesedaran Islam yang sejati dan menghayati penderitaan umat Melayu yang disisih dengan dasar penjajahan British (Husin Mutalib, 1990).

Di samping menyebarkan semangat nasionalisme ala Islam (Pan-Islamisme), Kaum Muda telah mempergunakan sepenuhnya warisan ikatan perpaduan ukhuwwah Islam yang memang sedia terjalin sejak dahulu lagi di antara penganut Islam di Alam Melayu dengan kawasan umat Islam yang lain. Apa yang boleh dibanggakan, walaupun berhadapan dengan serangan dan perancangan rapi yang dibuat oleh penjajah barat untuk menghapuskan potensi ikatan ukhuwwah di Alam Melayu, kita boleh menyaksikan bagaimana usaha ini telah gagal membendung penerusan warisan jalinan ukhuwwah Islam ini, dengan lahirnya tiga perkembangan utama, iaitu:

*Pertama*, wujudnya jalinan dan perpaduan yang jitu di antara pelajar Alam Melayu (Tanah Melayu dan Indonesia) yang belajar di Mesir, yang banyak menjalankan program bertindak

yang kemudiannya dilihat telah menjana perkembangan kesedaran Islam sejagat (reformisme) yang berjaya menggugat kewujudan kuasa penjajah barat di Alam Melayu (Mohammad Redzuan Othman, 2003).

*Kedua*, kewujudan konsep Melayu Raya yang inginkan kemerdekaan Alam Melayu dan berusaha untuk mengabungkan kedua kawasan Tanah Melayu dan Indonesia di dalam suatu kawasan yang mempunyai ikatan persaudaraan yang utuh dilihat dari sudut sejarah dan persamaan rumpun kemelayuan (Abdul Rahman Abdullah, 2003).

*Ketiga*, kewujudan segolongan ulama tempatan yang bertindak menjadi tempat rujuk dan benteng terakhir untuk mempertahankan ajaran Islam berhadapan dengan serangan faham sekularisme. Kebanyakan golongan ulama ini telah melibatkan diri di dalam perkembangan politik di Alam Melayu (Mohammad Redzuan Othman, 2003).

### ***Graduan Universiti al-Azhar dan Tajdid Pendidikan Islam di Malaysia***

Graduan Universiti al-Azhar turut menjadi pencetus dan pemangkin kepada usaha penerapan nilai-nilai Islam ala tajdid di dalam sistem pendidikan Islam dan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia era 1950-an-1960-an. Penerusan idea tajdid Kaum Muda ini telah diteruskan melalui institusi pendidikan Islam moden yang dikenali sebagai madrasah yang telah diasaskan oleh Kaum Muda sendiri. Dalam kerangka sistem madrasah ini, mana-mana pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi telah digalakkan oleh guru-guru mereka supaya menyambung pelajaran ke Timur Tengah (Mesir) yang menjadi pusat utama yang menyebarkan idea-idea tajdid. Apabila lulusan Timur Tengah ini kembali ke Malaysia, rata-ratanya telah diserapkan dan bertugas di beberapa jabatan berkaitan hal ehwal agama Islam yang secara pastinya akan menyuntik idea-idea tajdid di jabatan tersebut (Sharifah Zaleha Syed Hassan, 1993).

Sumbangan lulusan Universiti al-Azhar dan madrasah ini dapat diketahui dengan tersebar luasnya beberapa idea tajdid ke dalam institusi yang terlibat dengan pentadbiran undang-undang Islam. Antaranya ialah:

*Pertama*, meluasnya penggunaan konsep masalah oleh mufti dalam mengeluarkan fatwa mereka terhadap persoalan baru yang timbul di Malaysia (Othman Ishak, 1981).

*Kedua*, pemakaian konsep talfiq dalam kes pembayaran zakat fitrah di Malaysia. Mengikut amalan mazhab Shafie yang menjadi mazhab pegangan utama di Malaysia, sesuatu zakat fitrah perlu dibayar dalam bentuk makanan asasi tempatan. Tetapi kerana masalah komunikasi yang kurang baik, pembayaran zakat tersebut dibuat dengan menggunakan mata wang berpandukan mazhab Hanafi yang telah diterima pakai dengan meluas oleh kebanyakan majlis agama negeri di Malaysia.

*Ketiga*, pendekatan yang tidak terikat kepada sebarang mazhab termasuk mazhab Shafie yang dijalankan oleh negeri Perlis. Bertentangan dengan amalan negeri-negeri Melayu lain yang menetapkan perlu mengikut amalan mazhab Shafie, pihak berkuasa agama di Perlis sebaliknya telah menetapkan bahawa sebarang keputusan agama dan fatwa harus dirujuk secara terus kepada al-Quran dan al-Sunnah serta terbuka kepada mana-mana pandangan mazhab yang muktabar.



### ***Graduan Universiti al-Azhar dan Arus Kebangkitan Islam***

Sejarah telah menyaksikan bagaimana graduan Universiti al-Azhar telah bertindak sebagai penggerak utama yang mengisi kemerdekaan Malaysia. Mereka telah terlibat dengan usaha menerapkan semangat dan idealisme perjuangan Islam yang lebih bermakna berbanding dengan semangat yang menghormati warisan penjajah British, yang rata-ratanya masih secara kuat dipegang oleh barisan kepimpinan sekular Malaysia selepas merdeka. Sebagai contohnya, di zaman selepas merdeka, pihak kerajaan masih lagi meneruskan dasar pembangunan dan pendidikan liberal ala barat warisan penjajah British, yang kononnya bakal membangunkan negara merdeka ini kepada suatu negara maju seperti negara barat (Baharudin Ahmad, 1994).

Realiti ini telah mula dicabar dengan teretusnya arus gerakan kebangkitan semula Islam yang berlaku dalam era tahun 1970-1990an. Arus ini adalah ditandai dengan munculnya kesedaran untuk menyerap dan menegakkan nilai-nilai dan etika Islam dalam seluruh kehidupan yang diperjuangkan oleh sejumlah besar pertubuhan Islam seperti ABIM, PAS, Tabligh, Arqam, PERKIM, USIA dan sebagainya. Apa yang sering dilupakan dalam konteks ini adalah peranan lulusan Universiti al-Azhar yang mencetus, menerapkan dan mempercambahkan lagi idea asas Islam yang difahami dan dihayati oleh golongan muda di Malaysia (Badlihisam Mohd Nasir, 1999). Mereka dan guru-guru mereka di Timur Tengah sering dijadikan idola dan rujukan oleh pendokong gerakan dakwah di Malaysia (Fred R. Von Der Mehden, 1993).

Hasrat dan keinginan kepada penghayatan Islam ini kemudiannya telah turut sama diterima oleh pihak kerajaan sendiri. Dua contoh utama boleh diberikan dalam soal ini. Pertama, asas dan kaedah gerakan reformasi yang digambarkan oleh Walid Saif (1995) sebagai:

*“The reformist moderate model which advocates the use of peaceful means to produce desirable changes. The stress here is on evolution rather than revolution. One of the basic common ideas in this contetidakt is to build up general awareness and opinion and to create a wide public base through education, guidance, the establishment of effective Islamically oriented service and public institutions.”*

Asas ini telah diterima pakai oleh pihak kerajaan, memandangkan ianya secara langsung tidak mencabar kewujudan dan keabsahan pihak kerajaan. Sebaliknya, mengikut kaca mata pihak kerajaan, dasar dan prinsip golongan reformasi ini sekiranya dilaksanakan akan menghasilkan suatu dasar yang cukup baik dan teratur, dan apa yang lebih penting lagi ia dapat memberi peluang ke pada pihak kerajaan untuk mengelola dan mengawasi gerakan golongan reformasi (W. Roof, 1988).

Contoh yang kedua ialah gagasan anti sekularisme yang diperjuangkan oleh badan dakwah dan juga sarjana tempatan telah diterima baik oleh pihak kerajaan yang kemudiannya mencetuskan dasar Islamization selain dari faktor untuk menolak populariti parti pembangkang. Menurut Tan Sri Prof. Dr. Muhammad Kamal Hassan (1996), dasar ini pada asasnya dibuat berdasarkan beberapa prinsip utama iaitu:

*Pertama*, proses meletakkan Islam sebagai al-din (way of life) seperti mana yang pernah dilakukan pada zaman sebelum kedatangan kuasa British. Ia juga disifatkan sebagai proses membebaskan diri daripada warisan peninggalan penjajah.

*Kedua*, proses mengubah fahaman sekularisme (desecularization) yang telah menyerap masuk ke dalam seluruh kegiatan kehidupan dan jentera pentadbiran di negara Malaysia yang merdeka.

*Ketiga*, proses memperbetulkan perancangan dan pelaksanaan kebanyakan dasar pembangunan negara yang sebelumnya telah dipengaruhi sepenuhnya dengan fahaman sekularisme.

### ***Graduan Timur Tengah dan Semangat Politik Islam Moden***

Graduan Universiti al-Azhar telah terlibat secara aktif di dalam mencetuskan semangat politik Islam ala moden yang lebih bersifat dinamik dan tersusun di dalam pelbagai parti politik di Malaysia (Badlihisam Mohd Nasir, 1998). Tanpa menafikan sumbangan bermakna yang diberikan oleh lulusan universiti lain, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa lulusan Universiti al-Azhar telah memainkan peranan yang lebih besar lagi. Hal ini boleh dilihat daripada keahlian aktif alumni Universiti al-Azhar di dalam parti politik perdana di Malaysia, samada UMNO ataupun PAS (Syed Ahmad Hussein, 2002).

Proses penerapan nilai-nilai politik Islam ala Malaysia ini yang berbeza sama sekali dengan gerakan politik Timur Tengah dan Iran, secara tidak langsung telah diterapkan oleh alumni Universiti al-Azhar yang menimbulkan kematangan kesedaran politik dalam kalangan masyarakat Melayu.

Proses kematangan ini juga telah dimangkinakan lagi dengan perkembangan suasana politik semasa tahun-tahun 1980-an yang menyaksikan dominasi sistem politik Malaysia yang berteraskan fahaman sekularisme dan menjadikan Islam sebagai persoalan ritual semata-mata, telah mula berubah dengan terlantiknya Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat. Bertentangan dengan dasar-dasar Perdana Menteri sebelumnya, Dr. Mahathir secara langsung telah menerapkan pelbagai prinsip tajdid Islam di dalam pemerintahan negara yang merangkumi aspek pentadbiran, perundangan, ekonomi, pendidikan dan aspek politik itu sendiri. Kesannya, kita dapat menyaksikan beberapa perkembangan positif yang menunjukkan kematangan politik manusia Melayu. Di antaranya ialah:

*Pertama*, demi untuk mengekalkan survival politik Melayu, berhadapan dengan tekanan politik daripada pihak bukan Melayu, pihak pemerintah Melayu dalam kebanyakan pembentukan dasar negara masih lagi mengekalkan prinsip ketuanan Melayu yang berasaskan kepada Islam. Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (2001), prinsip ketuanan Melayu ini berpunca dari tiga sebab yang utama; pertamanya, sifat awal dan ketinggian tamadun Tanah Melayu yang telah dibina oleh manusia Melayu, keduanya; nisbah pergorbanan dan darah manusia Melayu yang telah banyak dicurahkan untuk mempertahankan Tanah Melayu menghadapi penjajahan kuasa luar dan akhirnya ketiga, sifat tolenrasi dan kesudian manusia Melayu menerima bersama golongan bukan Melayu untuk tinggal menetap di Tanah Melayu. Maksudnya, walaupun pihak berkuasa politik Melayu cuba menerapkan prinsip politik ala pluralisme demi untuk memastikan perpaduan semua kaum di Malaysia, tetapi asas jati diri dan ketuanan Melayu yang berteraskan Islam masih tetap secara teguh dipertahankan.

*Kedua*, timbul kesedaran perpaduan di kalangan parti-parti politik Melayu di atas wadah perpaduan agama, berhadapan dengan cabaran luar dan dominasi politik golongan bukan Melayu (Shukri Ahmad, 2001). Dalam pertemuan muzakarah di tahun 2002 yang dilangsungkan di Dewan Bahasa dan Pustaka, semua titik perpecahan umat Melayu-Islam yang

merangkumi sifat hormat kepada dominasi barat, taksu kepada parti dan kejahilan telah dipersetujui dan dicerakinkan dengan cukup terperinci oleh parti-parti politik Melayu (Abdul Rahman Embong, 2002).

*Ketiga*, berlaku perubahan suasana (trend) di dalam soal pemilihan ketua politik orang Melayu (PAS dan UMNO) kepada bentuk yang lebih terbuka dan berasaskan kriteria Islam. Hal ini boleh dilihat daripada perubahan pendekatan pemilihan ketua politik warisan tradisional yang biasanya terhad kepada kelas bangsawan dan ulama semata-mata, kepada golongan profesional Melayu yang menjanjikan bentuk pemikiran yang lebih dinamik (Ahmad Fawzi Mohd. Basri, 1996).

*Keempat*, isu-isu akhlak Islam telah dijadikan kriteria utama di dalam pemilihan ketua politik Melayu. Pelbagai cabaran telah mula dilakukan terhadap pendekatan pemilihan ketua yang lebih berasaskan kepada kepentingan kebendaan semata-mata. Apa yang jelasnya, sifat sesetengah tokoh korporat Melayu baru yang menceburi bidang politik untuk tujuan mendapatkan pulangan projek yang menguntungkan telah secara serius mula dicabar. Setiap ketua yang inginkan diri mereka diterima bertanding untuk sesuatu jawatan politik perlu menggunakan prinsip-prinsip Islam sebagai asas untuk menunjukkan keabsahan kepimpinan mereka.

*Kelima*, sifat penerimaan parti politik Islam Melayu (PAS) terhadap konsep pilihanraya berasaskan sistem demokrasi dan sekaligus menolak pendekatan revolusi ( M.R.J. Vatikiotis, 1996). Ironinya, parti PAS tidak bersikap pasif di dalam menerima pakai sistem ala demokrasi ini, tetapi telah bertindak mengkaji dan menerangkan kesesuaiannya dengan ajaran Islam itu sendiri (Syed Ahmad Hussein, 2002).

*Keenam*, sifat keberanian masyarakat Melayu untuk menyatakan protes terhadap sesuatu dasar dan pendekatan yang tidak dipersetujui ataupun dilihat bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Hal ini boleh dilihat dengan cukup jelas daripada kemenangan parti PAS di dalam pilihanraya tahun 1990 dan 1999 yang berjaya menawan negeri Kelantan dan Terengganu kononnya kerana isu kepincangan perjalanan pentadbiran negara serta isu penindasan terhadap Dato Seri Anwar Ibrahim yang telah dilakukan oleh pihak berkuasa kerajaan.

*Ketujuh*, pengaruh Islam yang lebih progresif telah dilihat menyerap masuk ke dalam kedua-dua parti politik Melayu, yang menjadikannya lebih relevan kepada kehendak Islam masyarakat Melayu. Sebagai contohnya, UMNO telah dianggap sebagai parti politik Islam yang terbesar di dunia, yang sering diabsahkan dengan sokongan kuat daripada beberapa orang tokoh ulama Islam di peringkat antarabangsa, yang secara terang-terangan menyokong kuat setiap dasar yang bercorak Islam yang dilaksanakan untuk kepentingan umat Islam (Zulkifli Abd. Ghani, 2002).

*Kelapan*, isu-isu yang menyentuh persoalan Islam dan pembangunan kerap menjadi isu utama yang perlu diperhatikan dengan lebih serius oleh kedua buah parti politik Islam, demi untuk menjadikan mereka sebagai parti yang diterima ramai oleh kalangan pengundi Islam di Malaysia (Muhammad Abu Bakar, 2002). Hal ini boleh dilihat daripada perubahan sikap pengundi Melayu baru yang terdiri dari golongan profesional yang telah menganggotai parti PAS kerana tertarik dengan pendekatan Islam bentuk moden yang diperjuangkan oleh parti ini, sekali gus menolak dakwaan bahawa parti PAS adalah parti orang kampung dan lulusan agama semata-mata. Begitu juga halnya dengan parti UMNO, yang telah turut dianggotai oleh

kalangan lulusan agama dan golongan profesional Melayu yang mendokong perjuangan bagi meningkatkan martabat umat Islam.

### Kesimpulan

Rumusannya, sumbangan positif Universiti al-Azhar kepada pembangunan intelektual di Malaysia telah cuba dinafikan oleh sesetengah pihak. Ia lebih merupakan penerusan pendekatan skeptik- negatif yang dipegang oleh pihak kolonial barat. Hasil kajian yang dibuat dalam memperincikan fakta sejarah sumbangan Universiti al-Azhar, kita dapat memetik fakta yang sebaliknya. Sesuai dengan status Universiti al-Azhar sebagai universiti tertua di dunia dan terkenal dengan etos idealisme Islam moden, alumninya yang dikesan dalam sejarah Malaysia telah berfungsi sebagai intelektual ummah yang cukup proaktif dan berkesan sekali. Sepatutnya, warisan keunggulan ini perlu disedari sepenuhnya oleh para alumni yang lain di dalam era moden ini, yang juga patut disertakan dengan blueprint bertindak untuk memantapkan lagi mutu pencapaian akademik dan keterampilan diri alumni yang lain. Gagasan ini tidak harus dilihat sebagai sesuatu agenda yang mustahil dan terlalu ideal untuk dicapai, sebaliknya harus dijadikan sebagai matlamat utama untuk mempergiatkan lagi usaha mendaulatkan keunggulan Islam di atas muka bumi ini berhadapan dengan cabaran globalisasi.

### Penghargaan

Sekalung penghargaan dirakamkan buat Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak atas sokongan serta kebenaran melaksanakan penyelidikan ini.

### Rujukan

- A.S. Lutfi. (1968). *The Beginning of Modernization among the Reactors of Al-Azhar University. Beginning of Modernization in the Middle East*, Chicago.
- Abdul Latif Samian. (2003). Mengatasi Kelayuan Mahasiswa. *Pemikir*, Julai- September h. 76-80.
- Abdul Rahman Abdullah. (2003). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Jakarta: Gema Insani.
- Abdul Rahman Embong. (2002). Faktor Ideologi Politik dan Budaya dalam Penutupan Minda Melayu Islam. *Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka, pada 29-31 Januari 2002.
- Abdul Shukor Ariffin & Hasan Haji Ali. (1983). Pergolakan Dasar Ekonomi Negara Sebelum dan Selepas 1969. Dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ahmad Fawzi Mohd. Basri. (1996). Perubahan Nilai Dalam Budaya Politik Melayu. Dalam Ahmad Fawzi Mohd. Basri (ed.), *Nilai Orang Melayu*. Sintok: Sekolah Pembangunan Sosial, UUM.
- Al-Kasyaf Menempa Wibawa Sejagat 2002-2003: Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir*, Majalah Tahunan, Badan Penerangan dan Penerbitan PMRAM, no. 7., 2003.
- Aziz Deraman. (2013). Citra Budaya Kelantan. Dalam Mahmood Zuhdi Abd Majid (ed.), *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, Kota Bharu: MAIK.
- Azyumardi Azra. (1998). *Esei-Esei Intelektual Muslim Dan Pendidikan Islam*. Jakarta: LOGOS.
- Badlihisam Mohd Nasir. (1999). Dakwah dan Senario Politik Umat Islam. Dalam Zulkiple Abd Ghani (ed.), *Kepimpinan Dakwah dan Politik Islam*, UKM.

- Baharudin Ahmad. (1994). *Falsafah Sains Dari Persepektif Islam*, Kuala Lumpur: DBP.
- Che Omar Awang. (1996). *The Methodology of Teaching in Islam: With Special Reference to the Traditional Educational Method in Malaysia*, Tesis Ph.D University of Edinburgh.
- Fred R. von Der Mehden. (1993). *Two Worlds of Islam: Interaction Between Southeast Asia and The Middle East*, Florida
- Husin Mutalib. (1990). *Islam And Ethnicity in Malay Politics*. Singapura: Oxford University Press.
- Ibrahim Abu Bakar. (1994). *Islamic Modernism in Malaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ingrid Saroda Mitrasing. (2011). *The Age of Aceh and the Evolution of Kingship 1599-1641*. Tesis Ph.D University of Leiden.
- Jajat Burhanudin. (2014). The Dutch Colonial Policy on Islam: Reading the Intellectual Journey of Snouck Hurgronje. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies*, 52 (1), 25-58.
- Khasnor Johan. (1982). Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi dan Peranan dalam Konteks Kerajaan Penjajah. *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- M.R.J. Vatikiotis. (1996). *Political Change in Southeast Asia-Trimming the Banyan Tree*. London: Routledge.
- Mahmood Zuhdi, A.M., Idris, A., Mohd Kamil, A.M. & Rahimin Affandi, A.R. (2005). Lulusan Universiti al-Azhar dan impaknya terhadap pembangunan sosial di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, h. 1-36.
- Mahmood Zuhdi A.M. (2000). *Tokoh-Tokoh Kesarjanaan Sains Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Sidin Ahmad Ishak. (1992). *Malay Book Publishing and Printing in Malaya and Singapore 1807-1949*, Tesis Phd, University of Stirling.
- Mohamad Kamil Ab. Majid. (2000). *Tajdid Perspektif Sejarah dan Masa Kini*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamed Redzuan Othman. (2001). Pengaruh Timur Tengah dalam Perkembangan Awal Kesedaran Politik Melayu. Dalam Mohamed Redzuan Othman (ed.), *Jendela Masa: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamed Suffian Hashim. (1962). The Relationship Between Islam and The State in Malaya. *Intisari*, 1(1).
- Mohammad Aboul Khir Zaki. (1965). *Modern Muslim Thought in Egypt and its Impact on Islam in Malaya*. Tesis Ph.D, University of London.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin. (2019). *Analisis Praktis Kaedah Halaqah dalam Pendidikan di Institusi Pengajian Pondok Negeri Kelantan*, Tesis PhD, Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Mohd. Sarim Mustajab. (1982). Gerakan Islah Islamiyah di Tanah Melayu: 1906 hingga 1948. *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur.
- Mona Abaza. (1994). Islam in Southeast Asia: Varying Impact and Images of the Middle East. Dalam Husin Mutalib (ed.), *Islam, Muslim and The Modern State, Case-Studies of Muslim in Thirteen Countries*, London.
- Muhammad Abu Bakar. (1986). *Penghayatan Sebuah Ideal*. Kuala Lumpur: DBP.
- Muhammad Kamal Hassan. (1996). *Toward Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysia*. Kuala Lumpur: ABIM.



- Nordin Kardi. (2002). Melayu dan Islam dalam Konteks Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi. Dalam Suzalie Mohamad (ed.), *Anjakan Minda Belia Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Othman Ishak. (1981). *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. (2000). Fiqh Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah. Dalam Paizah Ismail (ed.), *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*, Kuala Lumpur: APIUM.
- S. Mohamed Hatta. (1995). Sains dan Ijtihad. *Jurnal Syariah*, 3 (2).
- Saleh Faghizadeh. (2004). *Sosiologi*. Mohd Fauzi Yaacob (Terj.), Kuala Lumpur: ITNMB.
- Shaharuddin Maaruf. (1993). *Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu*. Singapura: Pustaka Antara.
- Sharifah Zaleha Syed Hassan. (1993). Authority and the Syariah Court: The Life and Work of a Malaysian Kadi. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, 20 (4).
- Shukri Ahmad. (2001). Implikasi Pengaruh Ulama Terhadap Halatuju Perubahan Pemikiran Politik Masyarakat Islam Wilayah Utara Semenanjung Malaysia Dari Tahun 1950an hingga 1990an. *Jurnal Usuluddin*, 14 (1).
- Snouck Hurgronje. (1985). *Aceh di Mata Kolonialis*. Ng Singarimbun (Terj.), Jakarta: Yayasan Soko Guru.
- Syed Ahmad Hussein. (2002). Muslim Politics and the Discourse on Democracy. Dalam Francis Loh Kok Wah & Khoo Boo Teik (ed.), *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices*, Richmond, Surrey: Curzon Press.
- W. Roof. (1988). Patterns of Islamization in Malaysia 1890s-1990s: Etidakemplars, Institutions and Vectors. *Journal of Islamic Studies*, 9 (2).
- Walid Saif. (1995). Human Rights and Islamic Revivalism. *Religion, Law and Soceity: A Christian-Muslim Discussion*, Geneva.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1997). *Penjelasan Budaya Ilmu*, Kuala Lumpur: DBP.
- Wan Salim Wan Mohd Nor. (1990). Pendidikan Islam di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi: Masalah dan Penyelesaiannya. *Jurnal Pendidikan Islam*, 3 (2).
- William Gervase Clarence Smith. (2007). Eunuchs and Concubines in the History of Islamic Southeast Asia. *Manusya: Journal of Humanities*, SI (14).
- Zulkifli Abd. Ghani. (2002). Gerakan Dakwah: Satu Takrifan Semula untuk Melahirkan Islam Yang Progresif?. *Himpunan Kertas Kerja Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, Kuala Lumpur: DBP.